

# Black Metal: Jemaah menteri arah KPN bertindak segera

Oleh JOHARDY IBRAHIM -

UM 23 JUL 2001  
SILAH ALAM 22 Julai - Jemaah menteri telah menerima laporan awal mengenai kegiatan kumpulan antiketuhanan *Black Metal* dan serentak itu mengarahkan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai bertindak segera menanganinya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir juga telah membaca laporan awal yang dikemukakan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman.

Menurutnya, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Aseh Che Mat telah diarah supaya segera mendapatkan laporan itu daripada

Dr. Siti Zaharah untuk menentukan sebarang tindakan yang perlu diambil.

Bagaimanapun, menurut Abdullah, beliau meminta Dr. Siti Zaharah memperkemas laporan itu untuk dikemukakan kepada KDN.

## Menular

"Saya juga sudah bercakap dengan Tan Sri Norian supaya bertindak dengan cepat apabila laporan itu diterimanya," ujar beliau kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung dwitahunan ke-9 Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terkini kegiatan kumpulan pemujaan syaitan, *Black Metal* yang dikesan menular di kalang-

an pelajar sekolah di seluruh negara.

Menjawab soalan pemberita bahawa kegiatan itu sudah lama wujud dan baru disedari, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, "Awak tidak boleh mengharapkan kita tahu segala-galanya yang berlaku di sekeliling kita."

Itu sebabnya, ujar beliau, kerajaan sentiasa menasihati rakyat supaya melaporkan kepada pihak berkuasa jika berlaku kejadian seperti ini.

"Terdapat berpuluh-puluh persatuan silat. Bukan mudah bagi pihak berkuasa untuk memantau perangai setiap individu atau persatuan.

"Al-Ma'unah, misalnya, ketika mula ditubuhkan tidak berbahaya tetapi akhirnya terbukti menyeleweng," ujar beliau.

Sehubungan itu, Abdullah meminta Pesaka memainkan peranan sebagai badan yang boleh mengesahkan kesahihan sesebuah pertubuhan silat.

Katanya, pertubuhan silat kini berdaftar dengan KDN tetapi KDN tidak berperanan sebagai pemantau.

Pesaka boleh mengesahkan sesuatu kumpulan silat membara kepada amalan syaitan dan merosakkan imej silat terutama pada cara-caranya yang menjurus kepada pendewaan syaitan atau makhluk-makhluk tertentu.

Pada majlis itu, Abdullah turut melancarkan laman web Pesaka iaitu [www.pesakamalaysia.com](http://www.pesakamalaysia.com)